

Memahami strategi daya tindak mangsa bencana banjir berdasarkan kajian kualitatif

ABSTRAK

Apabila bencana berlaku pelbagai bantuan seperti penempatan sementara, makanan dan minuman, pakaian bersih serta bantuan logistik dan fizikal yang lain diberikan kepada mangsa bencana. Namun begitu, kurang diketahui tentang cara mangsa menghadapi bencana yang sedang berlaku. Oleh itu, objektif kajian ini adalah penerokaan berkenaan strategi daya tindak mangsa bencana menggunakan kajian kualitatif. Responden yang terlibat adalah mangsa banjir yang berlaku pada tahun 2015 iaitu 3 mangsa banjir besar di Gua Musang, Kelantan dan 5 mangsa banjir di Kuching, Sarawak. Hasil dapatan kajian kualitatif berdasarkan kaedah open coding daripada hasil temu bual bersama mangsa banjir mendapati terdapat dua fasa dalam strategi daya tindak mangsa banjir iaitu fasa semasa bencana banjir dan fasa selepas bencana banjir. Dalam fasa semasa banjir terdapat tiga strategi daya tindak iaitu berbual dan mendengar, strategi spiritual, dan memasak bersama sama dan makan bersama sama. Manakala fasa selepas banjir pula adalah bergotong royong membersihkan rumah dan mempunyai harapan untuk kelangsungan hidup. Oleh itu, kajian ini bukan sekadar mengetahui cara mangsa banjir menghadapi bencana tetapi juga sebagai pengetahuan kepada pihak kerajaan, NGO dan swasta bagi memantapkan lagi proses menyalurkan bantuan bukan sekadar bantuan logistik tetapi turut menyalurkan bantuan berbentuk emosi atau psikologikal kepada mangsa bencana.